

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
[BATANG SADONG]**

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 114

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan usaha Kementerian membangunkan industri akuakultur di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah mensasarkan pengeluaran industri akuakultur sebanyak 430 ribu tan metrik pada tahun 2020. Pada tahun 2017, industri akuakultur menyumbang pengeluaran sebanyak 427 ribu tan metrik dengan nilai RM3 bilion melibatkan 17,765 orang penternak. Bagi menyokong pembangunan pengeluaran tersebut, beberapa usaha dan inisiatif sedang dilaksanakan seperti:

- (i) Memantapkan ladang sinergi melalui pengukuhan projek sedia ada dan penambahan projek atau kawasan baru. Program ini berkonsepkan kerjasama antara peneraju dan peserta yang melibatkan pemindahan teknologi, latihan teknikal dan jaminan pasaran melalui belian balik daripada peserta. Sebanyak 2 buah ladang sinergi di Pulau Pinang dan Perak akan ditambah dengan sangkar ternakan baru yang berupaya menghasilkan antara 3 hingga 5 ribu tan metrik pengeluaran ikan setahun.

(ii) Mengukuhkan kluster ternakan dan pembenihan dengan mewujudkan program ternakan dan pembenihan ikan seperti siakap, kerapu, tilapia dan udang laut. Kementerian mensasarkan kluster ternakan ikan dan udang berupaya untuk menyumbang sebanyak 450 hingga 500 tan metrik pengeluaran setahun. Manakala sasaran jumlah benih ikan marin yang akan dihasilkan pada tahun 2020 adalah sebanyak 1.1 bilion ekor dan bagi ikan air tawar sebanyak 643 juta ekor.

(iii) Memperkasakan estet ikan dengan mengekalkan produktiviti sedia ada serta menambah estet-estet ikan yang baru. Sehingga kini, terdapat sebanyak 4 buah estet telah dibangunkan di Pahang dan sebanyak 2 buah estet ikan akan dibuka di Perlis dan Johor. Program estet ikan ini merupakan projek ternakan yang diuruskan oleh komuniti setempat dan dijangka dapat menghasilkan sehingga 650 tan metrik pengeluaran ikan setahun.

(iv) Memperkukuh dan meningkatkan pengeluaran hasil perikanan melalui Taman Kekal Pengeluaran Makanan – Zon Industri Akuakultur (TKPM-ZIA). Sehingga kini, sebanyak 51 buah kawasan telah disenaraikan sebagai TKPM-ZIA dengan keseluruhan kawasan terlibat berjumlah 27 ribu hektar. Pada tahun 2017, TKPM-ZIA telah menyumbang sebanyak 13,247 tan metrik dengan nilai berjumlah RM221 juta.

Sekian, terima kasih.